

Dengar rintihan golongan muda- Perwakilan UMNO
Astro Awani
Dec 1, 2016

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu lebih prihatin terhadap masalah dan rintihan golongan muda jika mahu menarik lebih ramai pengundi muda memilih Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Wakil UMNO Melaka Mustafa Musa berkata masalah yang sering dihadapi golongan muda seperti kos sara hidup, peluang pekerjaan, isu perumahan dan pendidikan hendaklah segera diatasi oleh kerajaan BN.

"Bagaimana anak muda mahu menyokong BN kalau kehidupan mereka tersepit dan terhimpit," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO 2016, di sini hari ini.

Ketua Puteri UMNO Bahagian Kepong Hazrene Begum Mohd Husin pula menegaskan jentera siber parti mesti menguasai dan menggunakan sepenuhnya internet dan media sosial bagi memudahkan interaksi bersama golongan pengundi muda negara.

Katanya golongan muda begitu akrab dengan gajet dan media sosial untuk berkomunikasi berbanding televisyen untuk mendengar berita rasmi daripada kerajaan.

"Jentera siber kita perlu betul-betul padu dan bersiap-sedia... mesti menguasai internet dan media sosial kerana itulah medan utama pengundi muda," katanya.

Selain itu, katanya jentera UMNO perlu bijak menterjemah aspirasi golongan muda untuk menarik perhatian mereka kerana kecenderungan golongan itu bukan bersifat ideologi tetapi lebih kepada isu-isu yang dekat dengan diri mereka.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Maran Datuk Shahaniza Shamsuddin pula menggesa supaya penyelarasan berpusat di peringkat kerajaan dan parti diwujudkan bagi menyalurkan maklumat dan menjawab fitnah pembangkang menerusi media baharu secara pantas.

"Dana secukupnya dari segi peralatan, pengurusan, latihan dan guna tenaga perlu diberikan. Perlu ada mereka yang bertugas 24 jam sehari secara bergilir-gilir di peringkat pusat yang menyebarkan maklumat serta lebih agresif 'menyerang'

(tohmahan) pembangkang," katanya.

Beliau juga mahu publisiti media digerakkan dengan menonjolkan kepimpinan Pemuda dan Puteri bagi menarik minat generasi muda untuk bersama UMNO, termasuk mahasiswa di dalam dan luar negara.

"Tetapi jangan pula apabila mereka pulang ke bahagian atau cawangan, mereka ini dilihat sebagai ancaman dan akhirnya dicantas sebelum berputik," katanya.

-- BERNAMA

Tag: [Perhimpunan Agung UMNO](#), [PAU2016](#), [UMNO2016](#), [perwakilan](#), [suara orang muda](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-politik/dengar-rintihan-golongan-muda-perwakilan-umno-124463>